

GARIS PANDUAN HIBURAN DALAM ISLAM

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-68
12 April 2005

TUJUAN

Garis Panduan Hiburan dalam Islam ini disediakan untuk memberi panduan kepada pihak yang terlibat dalam industri hiburan merangkumi nyanyian, muzik, tarian dan lain-lain. Garis panduan ini juga akan dijadikan rujukan dan panduan kepada masyarakat awam yang menyertai persembahan rancangan hiburan.

PENDAHULUAN

1. Pada dasarnya, Islam mengharuskan hiburan kerana ia menjadi sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia. Ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Aisyah r.a yang bermaksud:

“ Sesungguhnya Abu Bakar masuk kepadaku, sedang di sampingku ada dua gadis hamba daripada orang Ansar sedang menyanyi dengan nyanyian yang dinyanyikan oleh orang Ansar pada hari peperangan Bu'ath. Aku berkata, kedua-dua orang ini bukanlah penyanyi. Abu Bakar berkata, adakah di rumah nabi ini terdapat sermai syaitan? Sedangkan pada hari ini adalah hari raya idul fitri. Rasulullah bersabda, wahai Abu Bakar, sesungguhnya setiap kamu ada hari rayanya dan ini adalah hari raya kita”.

(Riwayat Ibnu Majah)

2. Berdasarkan hadis tersebut, nyatalah bahawa hiburan yang menghiburkan jiwa serta menenangkan hati diharuskan oleh Islam. Ini dinyatakan oleh al-Sheikh Yusuf al-Qardhawi bahawa antara hiburan yang dapat menghiburkan jiwa, menenangkan hati serta menyedapkan telinga adalah nyanyian. Hiburan nyanyian ini diharuskan oleh Islam dengan syarat ia tidak dicampuri kata-kata kotor, keji atau yang boleh memberangsangkan kepada perbuatan dosa. (al-Halal wa al-Haram fi al-Islam, hal. 273)

3. Dalam membincang isu ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam Muzakarah kali ke-2 pada 12-13 Mei 1981 telah membuat keputusan seperti berikut:
 - i. Nyanyian yang seni katanya baik, tidak lucu, tidak biadap dan tidak mendorong kepada maksiat¹, tidak bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan dan tidak membawa kepada fitnah² adalah harus.
 - ii. Jika nyanyian seni katanya tidak baik, lucu, biadap, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dengan perempuan dan membawa kepada fitnah maka nyanyian itu adalah haram.
 - iii. Pancaragam yang melalaikan³ hukumnya haram.
 - iv. Mendengar nyanyian dan pancaragam adalah harus dengan syarat seni katanya baik, tidak lucu, tidak biadap, tidak bercampur lelaki dengan perempuan dalam keadaan yang tidak menimbulkan fitnah; dan
 - v. Menyanyi untuk menimbulkan semangat jihad adalah harus.

KANDUNGAN GARIS PANDUAN

1. Garis panduan ini mengandungi perkara-perkara berikut :
 - i. Takrif
 - ii. Program hiburan
 - iii. Persembahan muzik
 - iv. Lirik lagu
 - v. Persembahan artis
 - vi. Persembahan tarian
 - vii. Tanggungjawab penganjur
 - viii. Kesimpulan

¹ Sesuatu perbuatan yang haram (Mausu'ah al-Fiqhiyyah)

² Cubaan, gangguan, hasutan dan kelacauan (Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran)

³ Perkataan dan sebagainya yang tidak mendatangkan hasil serta tidak memberi faedah dan manfaat (Mausu'ah al-Fiqhiyyah)

2. Takrif

- i. **Hiburan**
Maksud hiburan ialah sesuatu (perbuatan, benda dll) untuk menghiburkan (menyenangkan, mententeramkan) hati. (Kamus Dewan)
- ii. **Nyanyian**
Maksud nyanyian ialah gubahan muzik yang dilagukan dengan suara. (Kamus Dewan)
- iii. **Muzik**
Maksud muzik ialah gabungan bunyi untuk memperoleh keindahan bentuk dan pernyataan perasaan. (Kamus Dewan)
- iv. **Tarian**
Maksud tarian ialah gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. (Kamus Dewan)

GARIS PANDUAN

Garis panduan yang memisahkan sama ada hiburan itu boleh atau sebaliknya menurut Islam adalah sejauh mana hiburan tersebut mencapai maksud dan prinsip Islam yang menekankan ke arah kesejahteraan umat manusia. Antara garis panduan tersebut adalah seperti berikut;

1. Program Hiburan

- i. Bermatlamatkan kebaikan dan kesejahteraan
- ii. Diadakan di tempat yang bersesuaian supaya tidak mengganggu ketenteraman awam dan orang ramai
- iii. Mengambil kira masa yang bersesuaian dengan sensitiviti masyarakat dan ajaran Islam
- iv. Tidak disertai oleh perbuatan haram atau maksiat
- v. Tidak mengandungi acara yang bersifat provokasi yang boleh menimbulkan sikap prejudis atau permusuhan
- vi. Tidak mengandungi unsur-unsur pemujaan atau penyembahan yang bertentangan dengan ajaran Islam

2. Persembahan Muzik

- i. Tidak menimbulkan gerak geri liar
- ii. Tidak mendorong kepada perbuatan maksiat
- iii. Tidak melalaikan

3. Lirik

- i. Kalimah syahadah dalam Bahasa Arab hendaklah disempurnakan
- ii. Tidak mengandungi sebutan yang boleh membangkitkan nafsu syahwat, perkataan lucu, menggambarkan arak dan memberi perangsang melakukan dosa.
- iii. Tidak mengandungi unsur-unsur pemujaan kepada makhluk dan peribadi
- iv. Tidak mengandungi ungkapan-ungkapan yang melanggar adab kesopanan dalam Islam
- v. Tidak mengandungi ungkapan yang melanggar akidah dan syariat Islam
- vi. Tidak mengandungi unsur-unsur mengutuk nasib dan lucu
- vii. Tidak mengandungi unsur menghina, mengaib, mencaci, memfitnah dan seumpamanya
- viii. Tidak boleh menjadikan teks Al-Quran sebagai lirik.

4. Persembahan Artis

- i. Berinteraksi dengan penonton secara sopan dan disertai kata-kata yang boleh membina nilai-nilai kemanusiaan
- ii. Berpakaian kemas, sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan diri kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam
- iii. Tidak melakukan gerak geri dan perkataan yang boleh menimbulkan perasaan yang mendorong kepada maksiat dan menghina Islam
- iv. Tidak mengucapkan kata-kata yang menggalakkan perbuatan maksiat atau menghina agama Islam.

5. Persembahan Tarian

- i. Berpakaian kemas, sopan serta tidak memakai pakaian yang boleh mendedahkan kepada eksploitasi penonton dan tidak bercanggah dengan kehendak Islam
- ii. Gerak tari yang dipersembahkan tidak menimbulkan fitnah
- iii. Tidak berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan yang boleh menimbulkan fitnah
- iv. Tidak bertujuan pemujaan atau penyembahan
- v. Tidak dipersembahkan dengan gaya yang memberahikan.

6. Tanggungjawab Penganjur

Penganjur hendaklah memastikan acara hiburan yang dianjurkan menepati garis panduan yang telah disediakan.

KESIMPULAN

Garis panduan ini diharap dapat memberikan panduan kepada pihak yang terlibat dalam industri hiburan. Ia juga dapat dijadikan usaha untuk mewujudkan masyarakat yang dapat mengamal dan menikmati hiburan berteraskan nilai-nilai akhlak dan syariat Islam.